

# **KUTKM rai 100 anak yatim, ibu tunggal**

**Archival News | Utusan Malaysia | 20/10/2006**

MELAKA 19 Okt. - Seramai 100 anak yatim dan ibu tunggal dari sekitar daerah Melaka Tengah diraikan oleh Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) pada majlis berbuka puasa di sini malam tadi.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Yang Dipertua Negeri, Tun Khalil Yaakob yang juga Canselor universiti tersebut.

Pada majlis itu, Mohd. Khalil menyampaikan sumbangan Aidilfitri kepada anak yatim serta ibu tunggal yang hadir.

Menurut Rektor KUTKM, Profesor Datuk Ismail Hassan, majlis tersebut merupakan acara tahunan KUTKM untuk mendekati masyarakat negeri ini selain menunaikan tanggungjawab sosial mereka.

"Kami mendapatkan senarai anak yatim dan ibu tunggal yang memerlukan bantuan daripada ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung di sekitar daearah ini," katanya ketika berucap pada majlis tersebut.

Menurut beliau, pihaknya berbesar hati kerana dapat menganjurkan majlis berkenaan dan berharap akan dapat meneruskannya pada masa akan datang.

"Kita mahu supaya hubungan antara KUTKM dan masyarakat terus terjalin dan akan berusaha untuk menjadikannya lebih erat pada masa akan datang," jelasnya.

(Source : Utusan Malaysia)